

12 JUL 2002

Taib-Hudud/I

PENTING BAGI M'SIA UTK PUNYAI SISTEM KEADILAN TUNGGAL, KATA TAIB

KUCHING, 12 Julai (Bernama) -- Adalah penting bagi Malaysia untuk mempunyai satu sahaja sistem keadilan dan oleh itu tiada tempat bagi undang-undang hudud yang diluluskan oleh Kerajaan Pas di Terengganu, kata Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud hari ini.

Beliau berkata hanya sistem keadilan tunggal dapat menawarkan layanan saksama bagi setiap warganegara berbanding undang-undang Hudud ala Pas.

"Jika Pas mahukan Malaysia yang bersatu dan adil, mereka perlu menerima sistem kehakiman sekarang yang terikat dengan Perlembagaan Persekutuan," kata beliau semasa merasmikan persidangan perwakilan Harakah Islamiah (Hikmah) ke 14, di sini.

Beliau berkata ada baiknya Pas mendengar nasihat Perdana Menteri Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pertimbangkan semula undang-undang hududnya.

Taib berkata hal-hal jenayah masih di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan dan meliputi semua warga Malaysia.

"Bila ada ada perbezaan, bila hukuman tidak saksama, ia akan menimbulkan rasa tidak puas hati," kata beliau.

Beliau berkata Pas, yang menerima kritikan dari seluruh negara tidak harus mengetepikan pandangan bilangan besar penduduk negara ini.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara Islam negara mesti adil kepada semua, termasuk bukan Islam.

Mengenai peranan Hikmah di Sarawak, beliau mahu pertubuhan itu menyusun semula aktivitinya supaya relevan dengan masa.

"Sarawak membantah apa-apa usaha anti-Islam dan undang-undang berasaskan agama kerana undang-undang seperti itu tidak sensitif kepada negara berbilang agama seperti Malaysia dan tidak sesuai dengan demokrasi, hak asasi manusia, keadilan dan kebebasan," katanya.

-- BERNAMA

FLL TS PR